

Merajut

Making lives better
Merajut kehidupan yang lebih sempurna.

FIRMAN ALLAH SWT:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا

Maksudnya:

“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk).”

Surah At-Taubah (ayat 103)

SABDA RASULULLAH SAW:

Maksudnya:

“saya mengarahkan memerangi manusia kecuali bila mereka mengucap dua kalimah syahadah bahawa tiada Tuhan selain Allah dan Nabi Muhammad pesuruh Allah, mendirikan solat dan menunaikan zakat.”

(Hukum Zakat, Dr. Yusuf Qardawi, m/s:75)



SYARAT-SYARAT WAJIB ZAKAT:

- Islam.
- Merdeka.
- Milik sempurna.
- Cukup nisab.
- Cukup haul.




JENIS-JENIS ZAKAT

○ ZAKAT HARTA

- Zakat Pendapatan
- Zakat Emas
- Zakat Wang Simpanan
- Zakat Ternakan
- Zakat Perniagaan
- Zakat Tanaman
- Zakat Saham
- Zakat KWSP

○ ZAKAT BADAN

- Zakat Fitrah



RUMAH RUMAH
RUMAH RUMAH

ZAKAT

PENDAPATAN???

YURAN SEMULAM
MEMETA

FIRMAN ALLAH SWT:

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (zakat) sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian daripada apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu.”
(Surah Al-Baqarah:267)

HADIS NABI MUHAMMAD SAW:

Maksudnya:

“Tunaikanlah zakat harta kamu.”
(Riwayat At-Tirmizi)



JENIS-JENIS ZAKAT PENDAPATAN

- Penggajian dan upah kerja.
- Zakat harta kerja bebas dan profesional.
- Zakat harta al-Mustaghallat

PENGIRAAN ZAKAT PENDAPATAN

- 2.5% atas semua pendapatan kasar.
- 2.5% atas semua pendapatan setelah ditolak Had al-Kifayah dan tolakan yang dibenarkan.



TOLAKAN ZAKAT & KEPERLUAN ASASI (HAD AL-KIFAYAH)

- **FIRMAN ALLAH SWT:**

Maksudnya:

“Dan mereka bertanya kepadamu: Apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan)? Katakanlah: Yang berlebih daripada keperluan (kamu).”

(Surah Al-Baqarah:219)

- **SABDA NABI MUHAMMAD SAW:**

Maksudnya:

“Cukup seseorang itu berdosa apabila dia mengabaikan nafkah orang yang ditanggungnya.”

(Sunan Abu Daud)



KEPERLUAN ASASI



ZAKAT WANG SIMPANAN



- Wang yang disimpan di dalam akaun simpanan, akaun simpanan tetap, simpanan semasa, ASB serta lain-lain bentuk simpanan di bank atau mana-mana institusi kewangan.
- Zakat dikenakan ke atas jumlah baki terendah dalam tempoh setahun simpanan apabila cukup nisab dan haulnya serta menyamai atau melebihi nisab.

PENGIRAAN ZAKAT WANG SIMPANAN

- 2.5% atas baki terendah dan melebihi nisab yang tersimpan selama setahun setelah ditolak faedah (akaun konvensional).
- Kalau akaun Islam akan ditambah dengan faedah kerana tiada keraguan.
- **Tabung Haji** telah bayar zakat.



ZAKAT



- Wang simpanan milik individu yang disimpan dalam KWSP sepanjang tempoh perkhidmatan dan telah mencukupi syarat-syarat wajib kecuali syarat **MILIK SEMPURNA**.
- Syarat ini akan dipenuhi sebaik sahaja pencarum mengeluarkan wang daripada KWSP. Penegeluaran boleh dibuat semasa berkhidmat atau bersara.
- **WAJIB** membayar zakat apabila mengeluarkan simpanan KWSP.

PENGIRAAN ZAKAT KWSP


- 2.5% atas wang simpanan KWSP yang telah dikeluarkan sahaja.



ZAKAT EMAS

Simpanan

Perhiasan



FIRMAN ALLAH SWT:

Maksudnya:

".....Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak menafkahkanya pada jalan Allah, maka beritahukanlah kepada mereka (dengan balasan) azab seksa yang tersangat pedihnya. (yaitu) pada hari dibakar emas dan perak (dan hartabenda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselarkan dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (lalu dikatakan kepada mereka):"Inilah apa yang kamu simpan untuk dirimu sendiri, oleh itu rasakanlah azab dari) apa yang kamu simpan itu." **(At-Taubah: 34-35)**



SABDA RASULULLAH SAW:

Maksudnya:

"Tiadalah bagi pemilik emas dan perak yang tidak menunaikan haknya untuk menunaikan zakat keduanya, melainkan di hari kiamat ia didudukkan di atas pedang batu yang lebar dalam neraka, maka dibakar di dalam neraka jahanam, diselar di pipi, kening dan punggungnya. Setiap kali api itu padam maka dipersiapkan lagi baginya (hal serupa) untuk jangka waktu 50 ribu tahun, sehingga selesai pengadilan semua umat manusia, maka dia melihat jalannya, adakah ke syurga atau neraka." **(Riwayat Muslim)**




JENIS-JENIS ZAKAT EMAS

SIMPANAN

- Bentuk mata wang, simpanan, galian, peralatan rumah dan sebagainya.
- 2.5% daripada jumlah yang sedia ada.
- Menyamai atau melebihi nilai uruf iaitu **85g**.

PERHIASAN


- Jika **MELEBIHI** uruf di**WAJIB**kan zakat.
 - 2.5% atas emas yang lebih daripada nilai uruf.
 - Nilai uruf ialah **800g**.
 - Jika tidak mencapai nilai uruf, tidak wajib dikenakan zakat.
 - **Mengikut nilai emas semasa.**
- 

Zakat al-Fitrah




- Zakat diri yang difardhukan ke atas setiap individu lelaki dan perempuan muslim yang berkemampuan dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

GOLONGAN WAJIB BAYAR ZAKAT

- Mempunyai lebih hartanya dari keperluan tanggungannya pada malam dan pagi hari raya.
 - Anak yang lahir sebelum matahari jatuh pada akhir bulan Ramadhan dan hidup selepas terbenam matahari.
 - Memeluk Islam sebelum terbenam matahari pada akhir bulan Ramadhan dan berkekalan Islamnya.
 - Seseorang yang meninggal dunia selepas terbenam matahari akhir Ramadhan.
- 

WAKTU MENUNAIKAN

- **Waktu Wajib**
 - Apabila terbenam matahari akhir 30 Ramadhan sehingga terbit matahari esoknya.
 - **Waktu Paling Afdal**
 - Sebelum sembahyang Hari Raya.
 - **Waktu Sunat**
 - Sepanjang bulan Ramadhan.
 - **Waktu Makruh**
 - Selepas sembahyang Hari Raya sehingga terbenam matahari pada 1 Syawal
 - **Waktu Haram**
 - Selepas terbenam matahari pada 1 Syawal.
 - Hukumnya berdosa tetapi wajib ditunaikan segera dan ia dikira qada.
 - Bertambah dosa jika dilengahkan.
- 

Sempurnakanlah...



Rukun Islam Ke-4